



**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**7 JANUARI 2017**

**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**"KES PENGABAIAN TERHADAP KANAK-KANAK BERUMUR 3 TAHUN DI TAMPIN"**

Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius terhadap kejadian yang menimpa Adik Muhammad Adam, 3 tahun yang telah ditinggalkan ibu bapa dan ditemui bersendirian di rumah di Kampung Parit Buloh, Ayer Kuning, Gemencheh, Tampin.

Kejadian seperti ini merupakan kejadian yang sekali lagi mengejutkan masyarakat selepas kes yang sama pernah terjadi pada tahun 2014. Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 memperuntukan Seksyen 31 dan Seksyen 33 berhubung tanggungjawab ibubapa atau penjaga yang mengabaikan dan membiarkan kanak-kanak tanpa pengawasan yang sepatutnya merupakan satu kesalahan. Sekiranya individu yg melakukan kesalahan tersebut disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun (20 tahun) atau kedua-duanya sekali bagi Seksyen 31 dan denda tidak lebih dari RM 20,000 atau dipenjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali bagi Seksyen 33. Selain itu, individu yg didapati bersalah juga dikehendaki menjalani Perintah Khidmat Masyarakat sebagai hukuman mandatori bagi kedua-dua seksyen terbabit.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menjalankan sesi intervensi awal bersama kaunselor kepada kanak-kanak bermula kanak-kanak dimasukkan ke wad di Hospital Tampin. JKM juga akan melengkapkan siasatan untuk menempatkan kanak-kanak di bawah jagaan Orang Yang Layak dan Sesuai iaitu datuknya yang ada menyatakan hasrat untuk menjaga kanak-kanak sebelum kanak-kanak dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan perintah sementara.

Laporan perubatan daripada hospital menyatakan kanak-kanak kini dalam keadaan baik, aktif dan tiada kesan penderaan fizikal. JKM akan terus memberikan pemantauan rapi terhadap kes ini.

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**